

03/08/2003

Tunjukkan bukti: PM (HL)

Mokhtar Alias; Ziauddin Sharuddin; Hussain Said

PORT DICKSON: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Ketua Turus Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM), Munsyi Muslim Yacob membuktikan dakwaannya bahawa ada kalangan menteri Kabinet terbabit dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Sambil menyifatkan dakwaan itu serius, Dr Mahathir menegaskan kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atasnya sekiranya dia gagal membuktikan dakwaan itu.

"Tunjukkan bukti... Dia (Munsyi) perlu membuktikan dakwaannya itu," katanya mengulas laporan Viewpoints dalam New Straits Times (NST), semalam.

Dr Mahathir berkata, orang ramai boleh bercakap mengenai PKPM dengan menteri, tetapi ia bukan bermakna menteri itu terbabit dalam pertubuhan haram berkenaan.

Beliau ditemui ketika menghadiri jamuan petang sempena Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di Kondominium Peranginan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini, semalam.

Dalam laporan Viewpoints yang disiarkan berdasarkan laporan beberapa akhbar Cina seperti Nanyang Siang Pau, China Press dan Sin Chew, Munsyi mendakwa dia mempunyai bukti bahawa ada kalangan menteri Kabinet yang terbabit dalam PKPM.

Pada 24 Julai lalu, polis menahan 21 orang termasuk ketua PKPM dan merampas dua pucuk pistol, berpuluh-puluh parang, garis, beratus pakaian seragam menyerupai tentera di Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Ketua pertubuhan itu, Nor Azami Ahmad Ghazali, 35, memakai pakaian seragam dan berpangkat 'Leftenan Jeneral' ketika ditahan.

Turut ditahan bersamanya ialah 14 lelaki dipercayai orang kanannya serta enam pekerja wanita yang semuanya berusia antara 20 hingga 35 tahun.

PKPM dipercayai turut menawarkan pelbagai pangkat tentera dengan harga RM8,000 hingga RM25,000 kepada ahlinya.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengambil tindakan tegas terhadap 133 kakitangan kerajaan yang menganggotai PKPM selepas mendapat maklumat lengkap pembabitan mereka dalam pertubuhan haram itu.

Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, meminta polis Bukit Aman memaklumkan kepada JPA mengenai tahap pembabitan mereka dalam pertubuhan itu.

"Hanya selepas maklumat itu diperolehi, tindakan disiplin, termasuk buang kerja boleh diambil.

"Tindakan yang akan diambil bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan, tetapi peraturan tatatertib adalah jelas, iaitu tidak boleh terbabit dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis melepaskan peserta kembara mencari harta karun 'Boria Hunt' di depan bangunan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dekat sini, semalam.

Kembara itu dengan kerjasama MPS dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah anjuran Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, disertai kira-kira 300 peserta.

Jamaluddin memberi jaminan bahawa JPA tidak akan mengambil tindakan sewenang-wenangnya kerana setiap kes perlu ada prima facie (berdasarkan apa yang kelihatan seperti sedia ada tanpa penyiasatan lebih lanjut) sebelum pertuduhan dikemukakan

"Kakitangan terbabit akan diberi peluang menjawab pertuduhan sebelum kes itu dihadapkan ke Lembaga Tatatertib," katanya.

Daripada 133 kakitangan perkhidmatan awam yang menganggotai PKPM, 11 adalah anggota tentera, 61 guru, dua pensyarah, tiga jururawat, dua pemandu, sembilan buruh, manakala 45 dalam perkhidmatan awam lain.

Selain itu, tiga pesara polis dan 43 pesara tentera menganggotai pertubuhan itu.

Jamaluddin juga mengingatkan kakitangan perkhidmatan awam yang menganggotai mana-mana pertubuhan berdaftar atau sukarela supaya memaklumkan kepada ketua jabatan atau agensi masing-masing.

Katanya, ini bertujuan mengelakkan mereka terbabit dalam mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang negara.

"JPA menggalakkan kakitangan perkhidmatan awam menyertai pertubuhan yang aktivitiya memberi sumbangan kepada masyarakat, tetapi kebenaran itu terhad kepada pertubuhan yang sah dan tidak terbabit dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang negara.

"Dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan, kakitangan perkhidmatan awam juga diminta menyenaraikan nama pertubuhan yang dianggotai," katanya.